

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: 23 Ogos 2021 8:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HEPA POST : SUKARELAWAN HEPA KE MISI BANTUAN FENOMENA KEPALA AIR DI YAN.



23 Ogos 2021 | 14 Muharam 1443H

HEP ONLINE :

اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

HEPA POST

UNCCUL, MESRA, DEDIKASI

Ahad, 22 Ogos 2021

HEPA POST : SUKARELAWAN HEPA KE MISI BANTUAN FENOMENA KEPALA AIR DI YAN.





Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

HEPA POST

UNCCUL, MESRA, DEDIKASI

HEPA POST : SUKARELAWAN HEPA KE MISI BANTUAN FENOMENA KEPALA AIR DI YAN.

Seramai 30 sukarelawan dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) Universiti Utara Malaysia telah terbabit di dalam misi bantuan mangsa fenomena kepala air di Yan mulai 22 hingga 24 Ogos yang lalu. Sukarelawan yang terlibat adalah terdiri daripada 10 staf dan 20 pelajar .

Misi yang diketuai oleh Encik Mohd.Khairone Bin Md.Khatidin , Kaunselor Kanan di Pusat Kaunseling , Universiti Utara Malaysia tertumpu di Kampung Rendang Air dan beberapa perkampungan kecil di kawasan Yan.

Di antara bentuk bantuan yang diberikan termasuklah membekalkan barangan keperluan asas dan sebagainya serta membantu melakukan pembersihan rumah kepada penduduk yang telah terjejas teruk. Dianggarkan seramai lebih daripada 1200 keluarga dalam Parlimen Jerai dan 500 keluarga di Parlimen Merbok yang menjadi mangsa fenomena tersebut.

Dalam kejadian hujan yang ekstrem pada petang Rabu 18 Ogos yang lalu telah berlakunya fenomena kepala air di kawasan Gunung Jerai sehingga menyebabkan berlakunya banjir lumpur di kawasan sekitar kaki Gunung Jerai seperti di Perigi, Terai Bukit, Singkir, Kampung Permatang Keramat, Kampung Lubuk Boi, Pekan Yan Besar, Titi Teras, Kampung Acheh dan Kampung Setoi di daerah Yan dan Kuala Muda.

Fenomena ini diumpamakan seperti tsunami yang kecil ekoran keadaannya yang berombak kuat sehingga mengakibatkan pokok serta jabatan runtuh dalam sekelip mata sahaja.



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

HEPA POST

UNGGUL, MESRA, DEDIKASI

Setakat ini seramai 6 orang awam yang masih hilang dan kerja-kerja mencari sedang dijalankan oleh pihak petugas-petugas keselamatan dan kecemasan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia termasuk Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM), Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dan Pasukan Kemahiran Pelbagai (MUST) terlibat dalam operasi itu.

Majlis Pelancaran Misi Bantuan UUM telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof.Madya Dr. Massudi Mahmuddin, Dekan Hal Ehwal Pelajar, UUM bertempat di perkarangan Pusat Penginapan Pelajar (SAC) . Di dalam ucapannya, Beliau amat berterima kasih kepada para sukarelawan yang mewakili UUM di dalam misi bantuan kepada mangsa yang terkesan itu. Beliau amat berharap semoga terdapat ramai lagi dalam kalangan staf dan pelajar yang akan tampil untuk mendaftar sebagai sukarelawan bagi misi tersebut.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.